

## **BAB SATU**

## BAB SATU

### INSURANS KONVENTSIONAL: DEFINISI, SEJARAH PERKEMBANGAN DAN CIRI-CIRINYA

#### A. Definisi Insurans

Perkataan insurans<sup>1</sup> asalnya bermaksud kumpulan yang membuat kutu bagi merengangkan beban kewangan individu dan menghindari kesulitan perbelanjaan. Konsep insurans yang rengkas dan umum ialah persediaan yang dibuat oleh sekumpulan orang yang masing-masing menghadapi kerugian kecil sebagai sesuatu yang tidak dapat diduga. Apabila kerugian yang serupa itu terkena ke atas salah seorang daripada mereka yang menganggotai kumpulan itu, maka kerugian itu akan diagih di antara mereka.<sup>2</sup>

Insurans juga ditakrifkan sebagai satu alat pemindahan. Dari satu sudut fungsian, insurans adalah alat sosial yang membolehkan risiko tidak pasti bagi seseorang individu

<sup>1</sup> Dalam bahasa 'Arab dikenali sebagai *al-Ta'mīn*, dari kata kerja *amina* yang berlegar di sekitar makna keamanan yang memberi maksud ketenteraman jiwa, hilang ketakutan dan keselamatan. Firman Allah yang bermaksud: "... dan mengamankan mereka dari ketakutan." (*Al-Qur'an: Quraysy* (106): 4). Lihat Ibn Manzūr, *Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Mukarram, Lisān al-'Arab*, jil.1, tahrīq 'Abd Allāh 'Alī al-Kabīr, Muhammād Ahmad Ḥasb Allāh dan Hāshim Muhammād al-Shādhilī, Dār al-Ma'ārif, Kaherah, hal. 140.

<sup>2</sup> Lihat Greene, M.R., *insurance* dalam *The New Encyclopaedia Britannica*, Macropaedia Knowledge in Depth, vol.21, 15<sup>th</sup> edition, Encyclopedia Britannica Inc., USA, 1985, hal. 678. Manakala *Grolier Academic Encyclopaedia* mentakrifkan insurans sebagai "suatu cara sistematis bagi menghadapi risiko kewangan. Ia membolehkan orang ramai menggantikan perkara yang pasti dengan perkara yang tidak pasti dengan jangkaan kerugian akibat daripada kemalangan atau peristiwa dan bencana yang tidak dapat dijangkakan seperti rumahnya akan terbakar suatu hari nanti. Maka adalah boleh untuk meramalkan dengan kadar yang munasabah akan kadar kerugian yang akan ditanggung. Orang yang membeli insurans ini setuju

yang kemudiannya digabungkan ke dalam satu kumpulan, lantas menjadi lebih pasti. Dengan sumbangan dana berkala yang kecil oleh individu, mereka yang mengalami kerugian dapat diberi pampasan.<sup>3</sup> Definisi ini secara tidak langsung menerangkan aspek kerjasama dan tolong menolong yang wujud di dalam insurans.

Manakala Willet, Kulp, Riegel dan Peffer memberi penekanan kepada pengumpulan risiko dalam insurans. Menurut mereka, prinsip utama yang menjadi asas kepada insurans ialah pengumpulan risiko. Individu yang terdedah kepada kerugian dalam sesuatu kemalangan yang mengumpulkan risiko, mereka akan membahagi-bahagikan risiko itu sama rata. Semua jenis risiko dikumpulkan dalam satu perjanjian yang melibatkan semua individu dengan mengumpulkan wang mereka dan menginsuranskan satu sama lain secara sukarela, adalah dikenali sebagai insurans bersama. Mereka memindahkan risiko itu kepada satu organisasi yang sanggup membayar gantirugi atas kemalangan atau kerugian yang mungkin berlaku mengikut kes atau pembelian yang dipersetujui, yang dipanggil premium.<sup>4</sup>

Ahli ekonomi Islam, Dr. Muhammad ‘Abd al-Mun‘im al-Jamāl mendefinisikan insurans sebagai satu sistem yang bercorak koperatif yang berlandaskan satu perjanjian di antara satu kumpulan manusia yang sama-sama bersetuju mengikut sistem ini. Mereka memikul bersama apa juga beban bencana yang menimpa salah seorang daripada mereka

---

untuk sama-sama menanggung kerugian dengan orang lain.” Lihat Cline, Robert S., *insurance*, Grolier Academic Encyclopaedia, jil. 11, Arête Publishing Company, USA, hal. 198.

<sup>3</sup> Lihat Robert Riegel dan lain-lain, *Prinsip dan Amali Insurans: Harta dan Liabiliti*, terjemahan Nazlifa Md. Ali et al., Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hal. 18. Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul *Insurance: Principle And Practices*, Prentice Hall, New York, 1923.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hal. 25-26.

dan berkongsi menyumbang wang bagi mengatasi bencana ataupun membayar pampasan kerana ditimpa oleh sesuatu bencana.<sup>5</sup>

Insurans juga didefinisikan sebagai satu kontrak di mana seseorang individu (yang dipanggil pihak penginsurans) menanggung untuk membayar ganti rugi kos atau pembelian mengikut persetujuan yang tertentu (yang dipanggil premium) kepada seorang individu lain (yang dipanggil pihak yang diinsurans) sejumlah wang atau nilai yang bersamaan dengannya apabila berlaku sesuatu kejadian yang merugikan. Kejadian itu mestilah mempunyai unsur-unsur ketidakpastian yang berlaku dalam:

- a. Kes insurans nyawa, walaupun kejadian itu tetap akan berlaku dalam keadaan semulajadi, masa berlakunya peristiwa itu tidak dapat ditentukan.
  
- b. Kemalangan, suatu peristiwa yang berlaku hanya apabila berlakunya kejadian yang lain, yang mungkin terjadi secara kebetulan atau tidak sengaja, dan kejadian itu mungkin tidak berlaku langsung.<sup>6</sup>

Dari segi undang-undang, insurans adalah perkiraan berbentuk kontrak yang satu pihak berjanji untuk menyediakan pampasan kepada pihak yang lain terhadap kerugian yang akan menimpa. Pihak yang bersetuju untuk membayar kerugian dinamakan *insurer*. Pihak yang akan menerima bayaran daripada kerugian yang dialami dinamakan *insured*.

<sup>5</sup> Lihat Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Jamāl, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, jil. 2, penterjemah Salahuddin Abdullah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 367. Buku ini asalnya dalam bahasa Arab berjudul *Mawṣū'at al-Iqtisād al-Islāmī*, Wa Dirāsat Muqārinah, Kaherah, 1980.

<sup>6</sup> Ivamy, E.R. Hardy, *General Principles of Insurance Law*, 6<sup>th</sup> ed., Butterworths, London, 1993, hal. 3.

Bayaran yang diterima oleh *insurer* dinamakan premium.<sup>7</sup> Kontrak insuran dinamakan polisi.<sup>8</sup> Kerugian yang akan menyebabkan *insurer* membuat bayaran kepada *insured* adalah hasil daripada pendedahan *insured* kepada kerugian. Kita katakan bahawa *insured* memindahkan pendedahan kerugiannya kepada *insurer* dengan pembelian polisi insurans.<sup>9</sup>

Artikel 747 Undang-undang Sivil Mesir 1949 menafsirkan kontrak insurans atau *ta'min* sebagai:

“ suatu kontrak yang mengikat penerima bayaran polisi insurans (*mu'man*), dengan memberi kepada pembayar bayaran polisi (*mu'man lah*) atau penama yang disebut untuk menerima faedah insurans itu. Pembayaran dengan sejumlah wang atau bayaran berkala atau harta apabila berlaku sesuatu kejadian atau berlaku sesuatu perkara yang nyata bahayanya seperti yang dinyatakan di dalam akad. Bayaran tersebut adalah

<sup>7</sup> Premium diertikan sebagai jumlah bayaran yang perlu dibayar dalam sesuatu kontrak insurans bergantung kepada anggaran risiko yang ditentukan oleh pihak penginsurans. Dengan termeterainya perjanjian insurans, pihak yang diinsurans wajib membayar bayaran premium dan pihak penginsurans bertanggungjawab untuk membuat bayaran pampasan. Persetujuan bayaran premium itu menandakan bahawa kontrak itu telah sah. Lihat ibid., hal. 165-171.

<sup>8</sup> Polisi bermaksud keterangan perkara asas atau jumlah bayaran ganti rugi. Hak dan tanggungjawab kedua pihak ditentukan oleh syarat-syarat polisi yang dibuat oleh pihak penginsurans. Masa bermulanya insurans dan tempo masa polisi itu berkuat kuasa hendaklah ditetapkan. Tetapi polisi itu boleh berakhir dengan persetujuan bersama kedua-dua pihak. Polisi bukanlah suatu kontrak dalam insurans. Kontrak merupakan perjanjian tak ketara di antara pihak-pihak kontrak dan polisi adalah bukti kontrak itu. Lihat Lee Kham Khuan, *Insurans Nyawa di Malaysia*, Persatuan Insurans Nyawa di Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hal. 60.

<sup>9</sup> Dorfman, Mark S., *Pengenalan Kepada Insurans*, terjemahan Zein Isma Ismail et al., Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hal. 6. Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul *Introduction To Insurance*, Third Edition, Prentice Hall Inc., A Division Of Simon & Schuster, Englewood Cliffs, New Jersey, 1987. Insurans dari segi undang-undang juga ditakrifkan sebagai Kemudahan sosial untuk mengurangkan risiko dengan memindahkan risiko tersebut daripada entiti individu kepada *insurer* melalui satu perjanjian berkontrak. Kontrak ini melibatkan dua pihak iaitu *insured* dan *insurer*. *Insured* berjanji akan membayar sejumlah wang yang dinamakan premium dan *insurer* sebaliknya berjanji membayar ganti rugi kepada *insured* sekiranya berlaku sesuatu kejadian yang ditetapkan dalam kontrak. Istilah ansurans suatu masa dahulu sering digunakan bagi insurans apabila merujuk kepada insurans nyawa dan insurans

dibuat kerana pembayaran atau sebahagian daripadanya atau apa-apa bayaran lain yang diberikan oleh *mu'man* lah kepada *mu'man*.<sup>10</sup>

Mengikut undang-undang lazim Inggeris, kontrak insurans ditakrifkan sebagai:

“satu kontrak di mana satu pihak (penerima bayaran polisi atau *insurer*) bertanggungjawab kerana satu balasan untuk membayar wang atau menyediakan perkhidmatan bagi faedah satu pihak yang lain (pembayar polisi atau *insured*), apabila berlakunya sesuatu kejadian yang tidak pasti sama ada kejadian itu berlaku. Tujuan perlindungan ini adalah untuk memberi gantirugi atau apa-apa bayaran terhadap kerugian yang diakibatkan oleh kejadian, atau kerana umur yang tua atau kepada faedah orang lain dengan kematian *insured*.<sup>11</sup>

Oleh kerana terdapat elemen-elemen tidak pasti pada masa hadapan di dalam definisi di atas, undang-undang Inggeris sendiri menganggap kontrak insurans mempunyai persamaan dengan kontrak perjudian. Cuma objektif kontrak tersebut yang bertujuan untuk mengurangkan risiko kerugian atau kerosakan pihak-pihak yang diinsuranskan yang menyebabkan kontrak ini berbeza dengan kontrak perjudian.<sup>12</sup>

---

marin. Aliran baru menggunakan istilah insurans bagi semua keadaan Lihat laman web [www.jaring.my/insurance](http://www.jaring.my/insurance); dan Lee Kham Khuan, *op. cit.*, hal. 173.

<sup>10</sup> Klingmuller, E., “The Concept and Development of Insurance in Islamic Countries”, *Islamic Culture*, Lahore, January 1969, hal. 33.

<sup>11</sup> Chitty, Joseph, *Chitty on Contracts*, ed. 27, Sweet & Maxwell, London, 1994, hal. 686.

<sup>12</sup> Ahmad Hidayat Buang, “Takaful: Akad Insurans Atau Mudarabah”, *Jurnal Syariah*, jil. 4, bil. 1, Januari 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 145.

Berdasarkan definisi-definisi yang tersebut di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa insurans merupakan satu perjanjian di antara dua pihak, iaitu penginsurans (syarikat) dan yang menginsuranskan (pemegang polisi). Pihak syarikat bersedia membayar ganti rugi kepada pemegang polisi jika berlaku keadaan tertentu dalam perkara yang diinsuranskan, manakala pemegang polisi pula bersetuju membayar polisi yang diinsuranskan.<sup>13</sup>

## **B. Sejarah Insurans**

Konsep insurans mempunyai kaitan rapat dengan cara hidup berkumpulan. Dalam masyarakat primitif, manusia hidup secara berkeluarga dan berpuak-puak. Kehendak mereka dipenuhi dan dilindungi oleh sikap bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain. Oleh sebab itu mereka tidak memerlukan insurans kerana mereka dilindungi sepenuhnya oleh masyarakat dari sebarang risiko. Apabila cara hidup berkeluarga dan berpuak-puak itu digantikan dengan cara hidup perbandaran, seseorang individu mendapati dirinya terdedah kepada pelbagai jenis bahaya tanpa perlindungan keluarga atau puaknya.<sup>14</sup>

Ahli-ahli sejarah mengatakan insurans telahpun diamalkan oleh masyarakat Mesir, Hindu, Greek, Rom dan Arab purba dalam bentuk kerjasama dan tolong-menolong

<sup>13</sup> Lihat MacGillivray, E.J., *MacGillivray On Insurance Law Relating To All Risks Other Than Marine*, ed. lima, Sweet & Maxwell, London, 1991, hal. 3.

<sup>14</sup> Clayton,G. and Osborn, W.T., *Insurance Company Investment: Principles And Policy*, G. Allen & Unwin, London, 1965, hal. 13.

sesama mereka. Beberapa persatuan dan pertubuhan insurans telah ditubuhkan di kota Rom bertujuan membantu askar-askar di waktu itu, dan memberikan sumbangan kewangan kepada keluarga apabila mereka terbunuh di medan perang. Setiap ahli perlu mencarum ke dalam tabung persatuan kerjasama ini. Di samping itu, wujud beberapa persatuan kebajikan yang khusus membantu orang yang tidak mampu, anak-anak yatim, janda dan orang sakit.<sup>15</sup>

Pada zaman pertengahan, wujud beberapa akad yang dianggap oleh pakar insurans sebagai permulaan kepada kontrak insurans moden yang wujud pada hari ini, walaupun ia bercampur-baur dengan unsur perjudian dan mencari keuntungan material semata-mata, tanpa melihat kepada unsur-unsur akhlak atau kemanusiaan.<sup>16</sup> Melalui sistem ini pemodal memberikan hutang kepada tuan punya kapal dagang dengan sejumlah wang yang sama nilainya dengan segala isi kapal itu dengan kadar faedah yang tinggi, dan tuan punya kapal itu akan menyimpan wang itu. Kalau kapal itu selamat sampai di destinasi, tuan punya kapal akan mengembalikan semula wang pinjaman tadi berserta dengan faedahnya. Cara ini dinamakan berhutang dengan menggadaikan kapal ataupun hutang laut.<sup>17</sup>

<sup>15</sup> Muqbil Jamī'ī (Dr.), *Mudhakkirāt fī al-Ta'mīn*, hal. 2. Dipetik daripada al-Dusūqī, Muḥammad al-Sayyid, *al-Ta'mīn wa Mawqif al-Shāfi'iyyah minh*, al-Majlis al-A'lā li al-Shū'ūn al-Islāmiyah, Kaherah, al-kitāb al-thāmin, 1967M/1387H, hal. 11.

<sup>16</sup> Lihat 'Abd al-Wadūd Yahyā (Dr.), *Al-Ta'mīn 'alā al-Hayāt*, hal. 4. Dipetik dari ibid., hal. 11.

<sup>17</sup> Jād 'Abd al-Rahmān (Dr.), *Al-Ta'mīn*, hal. 12. Dipetik dari ibid., hal. 12.

Sesetengah penulis berpendapat insurans bentuk ini telah diamalkan lebih awal oleh orang-orang Babylon antara tahun 3000 hingga 4000 sebelum Masihi, kerana wujudnya kemajuan dalam perdagangan laut ketika itu. Cara ini juga diamalkan oleh orang-orang Phoenix dan Hindu kira-kira 600 tahun sebelum Masihi. Pada kurun ke empat sebelum Masihi cara ini sangat dikenali di kalangan orang-orang Yunani. Perdagangan menggunakan insurans laut diamalkan secara luas oleh negara-negara yang terletak di tepi laut Mediterranean. Negara-negara Eropah hanya mengenali cara ini pada kurun ke tiga belas melalui orang-orang Lombardi<sup>18</sup>, satu bangsa yang menetap di utara Itali, dan membawanya ke England dan negara-negara Eropah yang lain.<sup>19</sup>

Orang-orang Babylon pula telah membentuk satu sistem kontrak di mana pembekal barang kepada perjanjian perdagangan bersetuju untuk membatalkan pinjaman sekiranya pedagang-pedagang dirompak barang mereka. Bagi menangani risiko yang tidak dijangkakan ini, bayaran tambahan telah dikenakan kepada bayaran biasa sebagai bayaran premium. Undang-undang Hammurabi<sup>20</sup> telah melaksanakan amalan ini dan

<sup>18</sup> Lombardi: Sebuah bandar yang terletak di utara Itali bersempadan dengan Switzerland di sebelah utara, Emilia-Romagna di sebelah selatan, Trentino-Alto Adige dan Veneto di sebelah timur. Dengan keluasan 9,202 kilometer persegi, ia mencakupi wilayah Bergamo, Brescia, Como, Cremona, Mantova, Milano, Pavia, Sondrio dan Verese. Sehingga kurun ke tiga sebelum Masihi, Lombardi adalah sebahagian daripada empayar Rom. Pada tahun 774 Masihi ia menjadi sebahagian daripada kerajaan Charlemagne dan kemudiannya diperintah oleh Sepanyol (1535-1713), Austria (1713-1796) dan Perancis (1796-1814). Ia kemudian masuk ke dalam wilayah Itali pada tahun 1859. Penduduknya dianggarkan berjumlah 8,894,236 (anggaran pada tahun 1983). Lihat *Lombardy, The New Encyclopaedia Britannica, Macropaedia Ready Reference, vol. 7, op. cit., hal. 455*.

<sup>19</sup> Al-Dusūqī, Muhammad al-Sayyid, *op. cit.*, hal. 12.

<sup>20</sup> Hammurabi merupakan salah seorang pemerintah negara Babylon yang terkenal. Juga dikenali dengan nama Hammurapi. Dilahirkan di Babylon pada tahun 1750 sebelum Masihi. Pemerintah keenam dinasti Amorite yang terkenal bermula dari tahun 1792-1750 sebelum Masihi dan penggubal undang-undang yang dikenali dengan nama Kanun Hammurabi, suatu undang-undang yang paling tua dalam sejarah tamadun manusia. Pemerintahannya menyaksikan penerusan kepada tradisi Mesopotamia iaitu pembinaan kuil, dinding kota, bangunan, menggali terusan-terusan dan melibatkan diri di dalam peperangan-peperangan. Beliau bertanggungjawab meletakkan Mesopotamia di bawah pemerintahan satu undang-undang, walaupun menghadapi pelbagai penentangan daripada raja-raja seperti Sargon dan Shulgi. Lihat Cyril J. Gadd, Jean Bottero, Elena Cassin and Jean Vercoutter (eds.), *Hammurabi, The New Encyclopaedia Britannica*,

mengesahkannya dari segi undang-undang. Undang-undang ini juga telah diperluaskan pelaksanaannya oleh negara atau kuil kepada orang yang rumah mereka musnah akibat kebakaran ataupun dibunuh dalam rompakan.<sup>21</sup>

Menurut Trencerry, Kanun Hammurabi menyatakan seseorang pedagang memberikan barang sebagai pendahuluan kepada seorang peniaga lain yang memberikan senarai barang termasuk nilai, kuantiti, jumlah dan lain-lain lagi dengan pemahaman bahawa cagaran dan kadar bayaran bunga adalah tetap. Namun begitu apabila berlaku rompakan semasa pelayaran terhadap barang itu, tanpa peniaga itu lalai atau membiarkan rompakan itu berlaku tanpa usaha mencegahnya, dia adalah bebas daripada menanggung sebarang hutang, baik hutang barang atau bunga. Peraturan ini telah dikuatkuasakan dalam Kanun Hammurabi sekitar tahun 2250 sebelum Masihi.<sup>22</sup>

Menurut Clayton pula, kontrak perdagangan ini kemudiannya diamalkan dan dikenali di seluruh dunia sebagai kontrak *bottomry*. *Bottomry* ialah satu kontrak perdagangan yang melibatkan sejumlah wang (atau barang) sebagai pendahuluan untuk tujuan perdagangan sebagai pinjaman pada kadar bunga yang ditetapkan tanpa pemberi

---

Macropaedia Ready Reference, vol. 5, *op. cit.*, hal. 668-669). Kanun ini digubal semasa pemerintahan beliau di antara tahun 1792-1750SM dan merupakan kanun yang paling lengkap dalam sejarah tamadun Babylon. Kanun ini mengandungi keputusan-keputusan undang-undang yang dihimpun yang kesemuanya berjumlah 282 fasal. Fasal-fasal ini meliputi bidang ekonomi (harga barang, tarif percukaian, perdagangan dan perniagaan), undang-undang keluarga (perkahwinan dan perceraian), undang-undang jenayah (hukuman kerana menyerang dan mencuri) dan undang-undang awam (perhambaan dan berhutang). Kanun ini juga mencatatkan hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang melanggar undang-undang ini. Kanun ini asalnya dalam bahasa Akkadian (Semitik). Teks asal ini kanun ini ditemui oleh orientalis Peranchis bernama Susa pada tahun 1901 dan kini dipamerkan di bandar Louvre, Perancis. Lihat Hammurabi, *Code of*, The New Encyclopaedia Britannica, Macropaedia Ready Reference, vol. 5, *op. cit.*, hal. 669.

<sup>21</sup> Lihat Black, Kenneth, *insurance* dalam Encyclopaedia Americana, vol. 15, Connecticut, USA, 1984, hal. 236..

<sup>22</sup> Trencerry, C.F., *The Origin and Early History of Insurance*, Heinemann Edu., London, 1926, hal. 6-10.

saham itu mempunyai saham dalam perniagaan tersebut. Wang atau barang yang didahulukan itu diberi untuk tujuan pinjaman bersama atau perkongsian. Pinjaman jenis ini (perkongsian perniagaan) membenarkan pemberi pinjam menerima sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan itu, jika keuntungan itu melebihi had yang tertentu, di samping bayaran bunga yang dikenakan terhadap pinjaman itu. Oleh sebab kadar bunga yang tinggi, peminjam bebas daripada segala tanggungan sekiranya berlaku sebarang kemalangan seperti kegagalan barang itu sampai ke destinasi, dan peminjam mestilah bertanggungjawab terhadap sebarang pembayaran semula pinjaman, termasuk bunga.<sup>23</sup>

Di bawah ini merupakan sifat-sifat utama kontrak *bottomry*:

- a. Dalam sesetengah hal, kontrak ini hanya terbatas kepada pinjaman sebenar dan bukan lagi pinjaman perkongsian.
- b. Barang atau wang pendahuluan diletakkan di bawah jagaan peminjam dan tidak di bawah jagaan pemberi pinjaman.
- c. Peniaga bebas daripada menanggung beban tanggungan hutangnya apabila berlakunya kemungkinan yang telah termaktub dalam kontrak asal.

---

<sup>23</sup> Clayton, G., and Osborn W.T., *op. cit.*, hal. 13-14.

- d. Kadar bayaran bunga biasanya lebih tinggi daripada kadar bunga pinjaman biasa tetapi terhad kepada 20 peratus sahaja.<sup>24</sup>

Menurut Clayton lagi, peringkat seterusnya dalam evolusi *bottomry* ialah apabila kontrak itu digunakan oleh orang-orang Greek hasil daripada perkembangan dagangan di antara orang-orang Phoenix di kawasan perairan Laut Aegen selepas tahun 800 sebelum Masihi. Kontrak ini bukan sahaja diamalkan oleh orang-orang Phoenix, bahkan juga telah diubahsuai dan diperlengkap oleh mereka secara lebih baik lagi. Ini jelas terbukti kerana beberapa orang peguam perkapanan telah mengaku bahawa penggunaan kontrak *bottomry* oleh orang-orang Greek adalah serupa dengan apa yang telah dipraktikkan di London pada tahun 1890.<sup>25</sup>

Bagi masyarakat Greek pula, ciri-ciri penting kontrak insurans yang dibuat oleh mereka termasuklah:

1. Perjanjian, kontrak *bottomry* atau *bon respondential* berserta dengan syarat-syarat pinjaman yang disimpan dalam bank-bank.
2. Cagaran, kebiasaannya sekurang-kurangnya dua kali ganda nilai wang barang pendahuluan.

<sup>24</sup> Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, jil. 4, penterjemah Osman Ahamed dan Mazni Othman, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hal. 23-24.

<sup>25</sup> Clayton, G. and Osborn W.T., *op. cit.*, hal. 14-15.

3. Tempoh pinjaman ditetapkan.
4. Kadar bunga berbeza dari 10 peratus hingga 12 peratus bagi pelayaran luar negeri dan 22.5 peratus hingga 30 peratus bagi pelayaran dalam negeri. *Penal rates* dikenakan jika syarat ini tidak dicapai.
5. Risiko yang ditanggung melibatkan kerugian modal serta bunga jika sesebuah kapal itu hilang atau ditawan, dan kerugian sebahagian daripada modal serta bunga jika barang itu dibuang ke laut atau ditebus dengan wang.
6. Kewujudan wakil pemberi pinjaman dalam pelayaran.
7. Tanggungjawab peminjam ialah membayar hutangnya kepada pemberi pinjam atau wakilnya atau pesuruhnya dan tidak mencagarkan barangnya sebagai gadai janji kerana perbuatan itu dianggap sebagai pecah amanah oleh peminjam dan pemberi pinjam kedua.
8. Kapten kapal mempunyai kuasa untuk meminjam. Sesetengah penulis menganggap bahawa di sinilah bermulanya prinsip *bottomry* yang diterjemahkan kepada prinsip-prinsip insurans yang dikenali sekarang.<sup>26</sup>

---

<sup>26</sup> Trenerry, C.F., *op. cit.*, hal. 13-15.

Berdasarkan kepada ciri-ciri kontrak *bottomry* dan kanun Hammurabi yang disebut di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa unsur-unsur penting dan asas yang terdapat dalam kontrak insurans di zaman purba adalah berikut:

1. Mesti terdapat risiko yang hendak diinsuranskan.
2. Harta itu mestilah mempunyai nilai.
3. Ia mestilah tidak melibatkan kemungkinan keuntungan.
4. Premium mestilah dibayar.
5. Dalam hal insurans yang dibuat secara tidak *mutual*, pihak yang diinsurans tidak boleh bertindak sebagai pihak penginsurans bagi orang lain yang turut menjadi pihak yang diinsurans.<sup>27</sup>

## 1. Amalan Perlindungan Nyawa di Semenanjung Arab

Pedagang-pedagang Arab telah mempraktikkan konsep perlindungan insurans sebelum kedatangan Islam. Mereka berdagang dengan merentasi padang pasir, membawa barang dagangan menggunakan unta, mengembara dari sebuah negeri ke sebuah negeri secara kumpulan atau kafilah. Dalam mengharungi urusniaga jarak jauh ini, mereka sentiasa terdedah kepada kemungkinan berlakunya pelbagai bahaya, musibah dan bencana seperti rompakan, ribut padang pasir, pembunuhan dan lain-lain tragedi sehingga

---

<sup>27</sup> Ibid., hal. 32.

boleh menyebabkan bukan sahaja kerugian dan kehilangan barang, malah boleh juga mendatangkan ancaman kepada nyawa pedagang-pedagang itu sendiri.<sup>28</sup>

Bagi mengatasi atau merengangkan beban ini, pedagang-pedagang Arab pada ketika itu telah saling berpakat di antara mereka mengagih-agihkan barang dagangan kepada beberapa kafilah dan beberapa ekor unta. Oleh itu jika ditakdirkan berlaku sesuatu musibah ke atas mana-mana kafilah atau unta yang mereka gunakan itu, kerugian atau kehilangan yang mungkin dialami hanya sekadar terhad kepada kafilah atau unta yang malang itu sahaja.<sup>29</sup>

Apabila Islam datang dan tertegaknya kerajaan Islam di Madinah, beberapa adat resam Jahiliah yang tidak bercanggah dengan Islam terus dikekalkan dan diiktiraf oleh Islam. Antaranya ialah sistem yang berkaitan dengan prinsip bantu membantu dan saling bekerjasama di kalangan masyarakat. Contohnya ialah sistem ‘āqilah yang berteraskan konsep saling bertanggungjawab di kalangan ahlinya, di mana setiap ahli di bawah sistem ini bersetuju mewujudkan satu tabung atau kumpulan wang yang dipanggil *al-Khanz*. Semua pungutan atau caruman yang dibayar oleh ahli mengikut tempoh yang telah dipersetujui dimasukkan ke dalam tabung berkenaan. Salah satu tujuan tabung ini ialah menyediakan bayaran sebagai bantuan untuk menolong mana-mana ahli yang terlibat

<sup>28</sup> Mohd Fadzli Yusuf, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1996, hal. 7.

<sup>29</sup> Ibid., hal. 8.

dengan pembunuhan secara tidak sengaja atau untuk menebus tawanan perang muslimin daripada musuh.<sup>30</sup>

Satu lagi sistem ialah *al-Qasāmah* yang berhubung dengan nyawa manusia. Sistem ini juga melibatkan usaha mengumpulkan dana dalam sebuah tabung atau kumpulan wang daripada kutipan caruman ahli-ahli. Manfaat akan dibayar kepada ahli waris yang dibunuh jika kes pembunuhan itu tidak diketahui siapa pembunuohnya atau keterangan saksi yang layak untuk benar-benar mengenal pasti pembunuohnya tidak diperolehi.<sup>31</sup>

Terdapat juga akad *al-Muwālāt* yang merupakan satu bentuk perjanjian jaminan. Penjamin akan menjamin seseorang yang tidak berwaris dan tiada pula diketahui keturunannya seperti seorang pendatang baru. Penjamin bersetuju akan menanggung bayaran *diyat* (wang darah atau tebusan) sekiranya orang yang dijaminnya itu melakukan sesuatu jenayah. Sebaliknya jika orang yang dijamin itu meninggal dunia, penjamin boleh mempusakai hartanya selagi tidak diketahui ahli warisnya.<sup>32</sup>

<sup>30</sup> Lihat Abu Muhammad 'Abd Allāh Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudāmah (m. 620H.), *al-Mughnī*, jil. 9, Dār al-Kitāb al-'Arabī li al-Nashr wa al-Tawzī', Beirut, 1392H/1972M, hal. 515; Lihat juga riwayat daripada al-Mughīrah bin Shu'bah r. 'a. bahawa Nabi Muhammad s.'a.w. menghukum seorang perempuan yang dibunuh dengan bayaran *diyat* yang mesti ditunaikan oleh 'ayahah (kaum keluarga) pembunuuh itu. Lihat al-Shawkāni, Muhammad Ibn 'Alī Ibn Muhammad (m. 1255H.), *Nayl al-Awtār Min Ahādīth Sayyid al-Abrār*, jil. 6, Dār al-Jayl, Beirut, t.t., hal. 69.

<sup>31</sup> Lihat al-Kāṣāñī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas'ūd (m. 587H.), *Badā'i' al-Sanā'i' Fi Tartīb Sharḥ al-Sharā'i'*, jil. 7, Qaddama lah wa kharraja ahādithah Ahmad Mukhtār 'Uthmān, Matba'a ah al-'Āsimah, Kaherah, t.t., hal. 286; Abū Muhammad 'Abd Allāh Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudāmah (m. 620H.), *al-Mughnī*, jil. 10, *op. cit.*, hal. 2.

<sup>32</sup> al-Kāṣāñī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas'ūd (m. 587H.), jil. 7, *op. cit.*, hal. 249; Abū Muhammad 'Abd Al-fāh Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudāmah (m. 620H.), jil. 9, *op. cit.*, hal. 472.

Sebelum Islam, pedagang-pedagang Mekah telah membentuk satu tabung khas untuk tujuan membantu mangsa-mangsa yang terlibat dalam kewalangan dan bencana dalam perjalanan mereka ke Syam dan negeri-negeri lain. Pernah pada satu ketika, apabila Nabi Muhammad s.a.w. sedang sibuk berdagang di Mekah, seekor unta beserta muatannya telah hilang di gurun, kecuali beberapa orang yang telah terselamat. Pihak pengurusan yang terdiri daripada ahli-ahli Tabung Sumbangan (*al-Khanz*) telah membayar gantirugi harga barang itu dengan menggunakan wang dari tabung ini. Pedagang yang terselamat dan keluarga-keluarga mangsa kerugian turut diberi wang pampasan. Nabi Muhammad s.a.w. yang bermiaga dengan modal Khadijah turut membantu mangsa-mangsa itu dengan memberi sumbangan kepada tabung tersebut dari wang keuntungan baginda.<sup>33</sup>

## 2. Sumbangan Umat Islam Kepada Institusi Insurans

Insurans moden muncul pada pertengahan kurun ke tiga belas di mana contoh-contoh insurans perkapalan banyak terdapat di kebanyakan tempat di Eropah pada masa itu. Ini kerana bentuk insurans pertama yang dikenali manusia ialah insurans yang melibatkan kapal-kapal yang digunakan di dalam perdagangan. Insurans laut secara rasmi adalah kontrak insurans yang tertua di dunia dan pertama kali dilaksanakan di Itali pada tahun 1347M.<sup>34</sup> Ia tidaklah berbeza dengan insurans laut Greek yang asal dan mengandungi unsur-unsur perjudian dan gadaian. Ia kemudiannya diterima oleh negara-

<sup>33</sup> Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 34.

<sup>34</sup> Al-Dusūqī, Muhammad al-Sayyid, *op. cit.*, hal. 12.

negara Eropah yang lain seperti England, Perancis, Sepanyol, Jerman, Belanda dan Belgium.<sup>35</sup>

Menurut Dinsdale, amalan awal insurans perkапalan secara teratur, dan berdasarkan premium, telah dikaitkan tanpa ragu-ragu dengan pedagang-pedagang di bandar Florence<sup>36</sup> dan Lombardi<sup>37</sup> di Itali. Pada zaman pertengahan, pusat-pusat dagangan di kawasan Mediterranean yang terkenal sebagai laluan perdagangan ke timur, iaitu ke Constantinople dan India, dan ke utara Itali seperti Florence, Genoa<sup>38</sup> dan Venice<sup>39</sup> telah menjadi pusat perniagaan dan insurans.<sup>40</sup>

<sup>35</sup> Ibid., hal. 13.

<sup>36</sup> Florence: Sebuah bandar yang terletak di tengah Itali, dan ibu negeri kepada wilayah Firenza dan Toscana. Terletak kira-kira 230 kilometer di baratlaut Rom dan pernah menjadi ibu negara Itali antara tahun 1865-1871. Florence diasaskan oleh tentera Rom pada kurun pertama sebelum Masihi dan antara kurun 14 hingga 16 Masihi bandar ini menyaksikan kemajuan terutama di bidang kesenian dan keilmuan. Ramai tokoh terkenal lahir di bandar ini seperti Leonardo da Vinci, Michelangelo, Brunelleschi, Dante, Machiavelli, Galileo dan keluarga Medici. Keluasan bandar ini dan kawasan sekitarnya ialah 102 kilometer persegi dan anggaran jumlah penduduk pada tahun 1983 berjumlah 460,924 orang. Lihat *Florence, The New Encyclopaedia Britannica*, Macropaedia Ready Reference, vol. 4, *op. cit.*, hal. 838.

<sup>37</sup> Lihat nota kaki no. 18.

<sup>38</sup> Genoa: Bandar kelahiran Christopher Columbus ini terletak di tepi laut Mediterranean di barat laut Itali dan kira-kira 120 kilometer di selatan Milan. Di sebelah baratnya terdapat banjaran gunung Appennine. Bandar ini pernah dijajah oleh tentera Rom pada kurun ketiga sebelum Masihi, dan menyaksikan pendudukan orang-orang Jerman dan Arab sebelum menjadi sebuah republik pada kurun 12 Masihi. Bandar ini kemudian silih berganti dikuasai oleh Perancis, Milan, Sepanyol dan Austria sehingga ia menjadi sebahagian daripada persekutuan Itali pada tahun 1861. Bermula pada awal kurun 20, Genoa menjadi bandar pelabuhan Itali yang paling utama dan bandar ini dihubungi dengan rangkaian lebuhraya dan jalan keretapi hingga ke Perancis dan Switzerland. Industri utama di sini ialah pembinaan kapal, tekstil, pemperosesan minyak mentah, kimia, baja, kertas dan gula. Keluasan bandar dan kawasan sekitarnya ialah 238 kilometer persegi dan anggaran jumlah penduduk pada tahun 1983 seramai 754,432 orang. Lihat *Genoa, The New Encyclopaedia Britannica*, Macropaedia Ready Reference, vol. 5, *op. cit.*, hal. 182.

<sup>39</sup> Venice: Bandar pelabuhan dan pelancongan Itali yang terkena. Bandar ini mempunyai banyak bangunan dan senibina yang dipengaruhi oleh senibina Arab, Byzantine, Gothic, Mannerist, Renaissance dan Baroque yang kesemuanya dianggarkan berjumlah 450 buah. Venice juga dikenali dengan terusan-terusan yang menjadi tarikan pelancongan. Lihat *Venice, The New Encyclopaedia Britannica*, Macropaedia Ready Reference, vol. 12, *op. cit.*, hal. 306.

<sup>40</sup> Lihat Dinsdale, W.A., *Elements of Insurance*, edisi ke empat, Pitman Publication, London, 1973, hal. 17.

Grosman juga telah mengakui bahawa pelopor pertama institusi-institusi insurans ialah persatuan-persatuan khairat kematian yang telah dibentuk oleh ahli kraf tangan dan peniaga-peniaga. Ini dikenali dengan "perjanjian insurans" yang dilaksanakan di Genoa pada 13 Oktober 1347. Perjanjian kedua telah ditanda tangani di Palermo pada tahun 1350. Pada tahun 1369, insurans perkапalan pula telah dikuatkuasakan di Genoa. Pihak-pihak penginsurans perkапalan telah mencari pertolongan dari pihak-pihak penginsuran lain pada peringkat awalnya. Dokumen tertua sebagai bukti amalan ini ialah *reinsurance agreement* yang termeterai di Genoa pada 12 Julai 1370.<sup>41</sup>

Pada masa yang sama insurans perkапalan telah menjadi perkara biasa di Sepanyol. Perdagangan meluas yang dilakukan oleh pedagang Barcelona di Itali dan di pelabuhan-pelabuhan sepanjang Mediterranean Timur sejak penghujung kurun ke 14 menyebabkan berkembangnya insurans perkапalan di Sepanyol.<sup>42</sup>

Catatan di atas membuktikan bahawa insurans perkапalan tidak wujud di negara-negara Eropah sebelum kurun ke 13. Ia juga menunjukkan bahawa insurans perkапalan mula dipraktikkan di Itali dan Sepanyol dan kemudiannya tersebar ke negara-negara Eropah yang lain termasuk Perancis, England dan Jerman. Jika benar, mereka tentulah sebelum ini telah mempelajarinya daripada orang Islam yang telah memerintah sebahagian dari benua Eropah sehingga kurun ke 15. Insurans perkапalan ini juga tersebar ke negara-negara Eropah lain melalui Semenanjung Sepanyol yang dikuasai oleh orang-orang Islam dari kurun ke 8 hingga kurun ke 15 atau melalui selatan Itali, termasuk

<sup>41</sup> Grossman Marcell (Prof.), *Insurance Markets of The World*, Zurich, 1964, hal. 89.

<sup>42</sup> Ibid., hal. 19.

Sicily dan pulau-pulau lain di Mediterranean yang juga dikuasai oleh orang-orang Islam.<sup>43</sup>

Trenerry secara samar-samar menyebut sumbangan umat Islam kepada kontrak *bottomry* dalam perbincangannya mengenai agama dan insurans. Semasa membincangkan asal usul *bottomry*, beliau mengatakan bentuk kontrak pinjaman yang diamalkan oleh orang-orang Babylon pada tahun-tahun sebelum 2250 sebelum Masihi wujud hasil daripada kebiasaan yang serupa dengan *Commenda of Islam*.<sup>44</sup> *Commenda of Islam* boleh diuraikan sebagai:

“Seorang pengeluar atau pemodal yang mempunyai wang atau barang keperluan yang mencari keuntungan membuat perjanjian perniagaan dengan para penjaja atau peniaga lain. Pengeluar atau pemodal itu memberikan wang dan barangnya sebagai pendahuluan dengan syarat peniaga itu memperniagakan barang itu di pasaran dalam dan luar negeri. Jika wang yang didahulukan, wang itu mestilah digunakan untuk membeli barang lain. Satu senarai barang mengandungi kuantiti dan nilai wang, perhiasan, barang-barang kilang dan bahan-bahan mentah pendahuluan itu disahkan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan diserahkan kepada pemodal atau pengeluar sebagai resit. Cagaran yang disandarkan oleh peniaga dalam kontrak tersebut, sama ada secara

---

<sup>43</sup> Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 29.

<sup>44</sup> *Commenda of Islam* menjadikan *mudarabah* sebagai dasarnya.

pinjaman atau perkongsian berhad, adalah yang pertama, sahamnya, dan seterusnya dirinya, keluarganya dan harta-harta yang lain.”<sup>45</sup>

Insurans am pula hanya dikenali pada kurun ke tujuh belas, iaitu apabila bandar London mengalami kebakaran besar pada tahun 1666 selama empat hari. Kebakaran itu memusnahkan hampir seluruh kota dan penduduknya mengalami kerugian besar sebanyak 10 juta Pound. Ini menyebabkan Insuran Kebakaran diwujudkan di England dan kemudiannya diikuti oleh negara-negara lain.<sup>46</sup> Pada kurun 19 apabila penggunaan keretapi diperkenalkan di England dan banyak kemalangan berlaku, insurans baru diperkenalkan iaitu Insurans Kemalangan Keretapi. Insurans terus berkembang pesat pada kurun kedua puluh sehingga kepada bentuk yang ada sekarang.<sup>47</sup>

Kesimpulannya orang-orang Itali, Sepanyol dan Eropah memiliki pengetahuan tentang insurans perkапalan pada zaman pertengahan, hasil daripada hubungan perniagaan mereka dengan orang-orang Islam. Ini kerana orang-orang Eropah, termasuklah orang-orang Rom dan Sepanyol, tidak memiliki pengetahuan tentang insurans perkапalan sebelum kurun ke tiga belas, tetapi bagaimana mereka memperolehi ilmu itu dan kemudian menyebarkannya ke seluruh Eropah? Berdasarkan ini, sememangnya negara-negara Eropah memperolehi pengetahuan tentang insurans perkапalan, sains perkапalan dan teknik-teknik lain daripada umat Islam yang mengadakan hubungan dengan mereka terutama di bidang perniagaan.

<sup>45</sup> Dipetik daripada Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 32.

<sup>46</sup> Greene, M.R., *Insurance, The New Encyclopedia Britannica*, Macropaedia Knowledge In Depth, vol. 11, *op. cit.*, hal. 678-679.

<sup>47</sup> Lihat al-Dusūqī, Muhammad al-Sayyid, *op. cit.*, hal. 14.

## C. Ciri-ciri Kontrak Insurans

Suatu kontrak insurans mestilah mengandungi ciri-ciri berikut:

**Pertama:** Wujudnya individu yang merasa bimbang akan ditimpa bencana ke atas dirinya, harta benda atau orang yang dikasihi.

**Kedua:** Wujudnya satu pihak lain dalam perjanjian itu yang dinamakan penginsurans. Pihak ini biasanya wujud dalam bentuk sebuah syarikat berhad, atau syarikat koperatif yang melaksanakan keinginan pihak pertama tadi.

**Ketiga:** Sejumlah wang yang dibayar oleh pihak yang diinsuranskan kepada penginsurans. Wang ini dinamakan yuran insurans atau premium.

**Keempat:** Wujudnya kemungkinan berlaku suatu bencana yang menimpa pihak yang diinsurangkan, sama ada pada dirinya sendiri, harta benda ataupun orang yang dikasihi. Ini dinamakan bencana yang diinsuranskan.

**Kelima:** Sejumlah wang gantirugi yang dibayar oleh penginsurans kepada pihak yang diinsuranskan. Ini dilakukan mengikut syarat-syarat kontrak.

**Keenam:** Wujud jaminan manfaat atau faedah kepada pihak yang diinsuranskan. Oleh yang demikian, apabila tiada sebarang manfaat atau faedah, maka kontrak itu terbatal dan tidak sah.<sup>48</sup>

#### D. Tujuan Kontrak Insurans Dilakukan

Tujuan insurans ialah untuk mengadakan persediaan bagi menghadapi kemungkinan kerugian yang dihadapi oleh manusia dalam kehidupan dan kegiatan perdagangan mereka.<sup>49</sup>

Sebenarnya, bahaya kerugian itulah yang mendorong manusia berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan cara-cara yang selamat bagi melindungi diri dan kepentingan mereka. Cara-cara itu berbeza mengikut bentuk kerugian. Sekiranya kerugian itu disedari akan berlaku lebih awal maka seseorang itu akan mengatasinya dengan langkah mencegah. Sekiranya kerugian itu sedikit, seseorang itu akan menanggungnya sendiri. Tetapi sekiranya kerugian itu tidak dapat diduga lebih awal serta banyak jumlahnya sehingga tidak boleh dicegah atau diatasi sendiri, tentunya akan menimbulkan kesukaran kepada danya. Oleh itu mencegah kerugian atau mengandaikan dan menanggung kerugian sendiri tidak dapat dipraktikkan dengan meluas.<sup>50</sup>

<sup>48</sup> Lihat Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Jamāl, *op. cit.*, hal. 367-368.

<sup>49</sup> Morgan, T.W.,(ed.), *Porter's Laws of Insurance*, Sweet & Maxwell, London, 1933, hal. 13.

<sup>50</sup> Allen, F.T., *General Principles of Insurance*, Prentice Hall, New York, 1936, hal. 3.

Kerugian yang besar, kemasuhan dan kerugian yang tidak dapat diduga tidak dapat diatasi dengan cara ini. Dalam keadaan seperti ini, seseorang itu akan rugi sama sekali jika tidak ada bantuan daripada masyarakat atau kumpulannya. Kerugian seperti ini tidak besar erti dia kepada seluruh masyarakat, tetapi bagi individu, ia merupakan suatu kerugian besar sekiranya dia menghadapinya seorang diri.<sup>51</sup> Inilah latarbelakang teori insurans yang dibentuk untuk menghadapi kerugian yang tidak diduga waktu dan jumlahnya.<sup>52</sup>

#### E. Beberapa Fungsi Sesuatu Kontrak Insurans

Berhubung dengan fungsi insurans dalam masyarakat, dapatlah dibahagikan kepada fungsi utama dan fungsi sampingan. Fungsi utama ialah menanggung risiko di mana kerugian kewangan individu diagih sama rata kepada seberapa ramai orang.<sup>53</sup>

Manakala fungsi-fungsi sampingan ialah:

- a. Merangsang kegiatan perniagaan. Ini kerana tidak ada perusahaan bersaiz besar boleh berfungsi dalam dunia moden tanpa memindahkan kebanyakannya daripada risiko yang dihadapinya kepada *insurer*;

<sup>51</sup> Cornelius Walford et al., *Chamber's Encyclopaedia*, (new. Revision ed.), jil. 7, International Learning System Corp. Ltd, London, 1970, hal. 617.

<sup>52</sup> Barou, H., *Cooperative Insurance*, Mac Millan, London, 1936, hal. 11.

<sup>53</sup> Ibid., hal. 16.

- b. Mewujudkan pekerja yang cekap di dalam profesi mereka;
- c. Membantu mencegah kerugian; dan
- d. Membantu merengangkan atau menyelesaikan masalah sosial. Ini berlaku melalui bayaran pampasan bagi mangsa-mangsa kecederaan industri dan kemalangan jalan raya, kesusahan kewangan akibat umur tua dan hilang upaya atau kematian.<sup>54</sup>

## F. ***Peril, Hazard, Risiko Dan Kontrak Insurans***

### 1. ***Peril***

*Peril* ialah sesuatu yang menyebabkan kerugian, contohnya kebakaran, puting beliung, penyakit jantung dan jenayah. Dalam hal ini, orang ramai terdedah kepada kerugian daripada pelbagai aspek *peril*. *Peril* inilah yang menyebabkan peserta insurans mengalami kerugian dan adalah menjadi tanggungjawab syarikat insurans untuk membayar gantirugi kepada peserta yang malang itu.<sup>55</sup>

<sup>54</sup> Ibid., hal. 11.

<sup>55</sup> Lihat Mehr, Robert I. And Cammack, Emerson, *Principles of Insurance*, Richard D. Irwin, Inc., Homewood, Illinois, 1980, hal. 20.

## 2. ***Hazard***

*Hazard* ialah keadaan yang boleh meningkatkan kekerapan atau ketenatan kerugian. Contohnya menyimpan 55 gelen minyak petrol dalam tong minyak di dalam garaj. Pada amnya, menyimpan minyak petrol tidak akan menyebabkan kerugian, tetapi minyak petrol boleh memburukkan lagi kerugian sekiranya berlaku kebakaran.<sup>56</sup>

## 3. **Risiko**

Keinginan manusia untuk mendapatkan keselamatan dari sesuatu risiko merupakan asas kepada insurans. Risiko bermakna perubahan bagi setiap kejadian yang mungkin boleh timbul pada masa hadapan. Sekiranya terdapat hanya dua kejadian yang kemungkinan terjadinya salah satu kejadian tersebut adalah lebih daripada yang satu lagi, maka di sini dikatakan risikonya adalah rendah. Sekiranya terdapat pula banyak kejadian yang mungkin timbul dan setiap kejadian mempunyai kebarangkalian yang sama untuk berlaku, maka risikonya dikatakan tinggi.

Risiko yang sedemikian akan menimbulkan ketidaktentuan dalam

<sup>56</sup> Dorfman, Mark S., *Pengenalan Kepada Insurans*, terjemahan Zein Ismail et al., Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hal. 26-28. Beliau membahagikan *hazard* kepada *hazard moral* dan *hazard morel*. Jika seseorang menyebabkan kerugian untuk mendapatkan bayaran insurans, kerugian tersebut dikatakan sebagai akibat daripada *hazard moral*. Contohnya membakar bangunan untuk mendapat bayaran insurans. *Hazard morel* pula merujuk sikap acuh tak acuh terhadap kerugian yang timbul daripada pembelian kontrak insurans, seperti sikap "Mengapa saya patut peduli?", "Saya berinsurans?" adalah contoh *hazard morel*. Lihat ibid., hal. 28.

pemikiran seseorang tentang kebolehannya untuk meramal pada masa hadapan.<sup>57</sup>

Sememangnya manusia tidak dapat melepaskan diri daripada risiko dalam hidupnya. Risiko boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang tidak disangka-sangka seperti kemalangan, kematian, kerosakan dan kehilangan harta benda dan sebagainya yang boleh menimbulkan kebimbangan kepada seseorang individu, menyebabkan dia perlu mengambil langkah-langkah bagi membendungnya.

Risiko yang berlaku ini sudah pasti menyebabkan kerugian kepada individu atau kumpulan tertentu menyebabkan orang yang terlibat akan berusaha menghindari risiko ini dengan mengadakan pakatan, tabung kewangan dan sebagainya. Oleh itu manusia dengan kerjasama dan bantu membantu antara satu sama lain, atau dengan apa sahaja cara yang mungkin, akan cuba mengurangkan risiko dan ketidaktentuan ini.

Ini selaras dengan tujuan utama insurans iaitu melindungi daripada segala risiko yang mendarangkan kerugian. Dengan ini segala aktiviti ekonomi akan dapat diteruskan dengan mudah dan manusia tidak dirundung perasaan bimbang bahawa harta benda atau perniagaan akan musnah pada bila-bila masa tanpa mereka mendapat sebarang pampasan atau ganti rugi.

---

<sup>57</sup> Riegel, Robert dan lain-lain, *op. cit.*, hal. 3.

### **3.1 Jenis-jenis Risiko**

#### **a. Risiko Spekulasi**

Risiko ini wujud apabila akibat yang mungkin berlaku adalah menguntungkan atau tidak. Dalam hal ini seorang pembeli gandum mungkin terpaksa menanggung kerugian kerana menjual dengan harga yang rendah dan sebaliknya pula akan meraih keuntungan apabila harga tersebut meningkat. Demikian juga seorang pengusaha perniagaan mungkin akan kehilangan pelaburannya melalui persaingan, perubahan kepada tarif import, ciptaan-ciptaan baru, polisi-polisi kerajaan dan lain-lain, tetapi sebaliknya pengusaha itu mungkin juga mendapat keuntungan. Orang yang disebutkan di atas bukanlah melakukan spekulasi dalam erti kata bertaruh apabila berlakunya turun naik pasaran yang tiba-tiba, tetapi istilah risiko spekulasi yang digunakan adalah sebagai label yang ditentukan oleh adat kebiasaan.<sup>58</sup>

#### **b. Risiko Tulen**

Risiko jenis ini sukar diukur, ataupun dalam banyak keadaan manusia tidak mempunyai banyak maklumat tentangnya yang dapat digunakan untuk menganggarkan kekerapan atau ketenatannya secara lebih tepat.

---

<sup>58</sup> Ibid., hal. 4.

Risiko tulen selalunya melibatkan kejadian yang tidak menguntungkan. Contohnya kerosakan harta disebabkan kebakaran, terpecahnya sebuah tingkap, kehilangan wang daripada bank, kehilangan pekerjaan dan patah tangan. Semua ini adalah kejadian yang bersifat malang dan tidak ada kemungkinan wujudnya keuntungan dalam kes ini.<sup>59</sup>

Atas kesedaran perlunya menyediakan payung sebelum hujan di dalam berhadapan dengan risiko seperti inilah, membuatkan individu-individu merasa selamat dan menjadikan mereka lebih cekap dan berprestasi tinggi dalam bidang kehidupan. Hal ini terjadi apabila digunakan prinsip yang dikenali sebagai Hukum Jumlah Besar atau Hukum Purata.<sup>60</sup>

Jelasnya, insurans adalah berkaitan dengan implikasi kewangan akibat risiko-risiko tulen. Walaupun begitu sistem insurans tidak pula mengemukakan cara pelupusan atau penghapusan sesuatu bahaya dengan mengambil langkah-langkah keselamatan bagi menghadapinya. Berbagai-bagai cara boleh diambil dan pernah juga dilakukan bagi mengelakkan segala jenis bahaya seperti tindakan yang diambil sebelum terjadinya kematian, kebakaran, kemalangan udara, kecederaan dan sebagainya. Tindakan-tindakan seperti ini tidaklah perlu kepada sistem insurans.

---

<sup>59</sup> Ibid., hal. 5.

<sup>60</sup> Ibid.

Insurans hanya berkaitan dengan perancangan untuk menawarkan pampasan kepada seseorang yang mengalami kerugian kewangan, akibat ditimpa risiko itu. Kaedahnya ialah dengan mengumpul sejumlah wang yang telah ditetapkan daripada tiap-tiap anggota dalam satu kumpulan besar, yang kemungkinan menghadapi risiko itu, dan membayar pampasan akibat kerugian kewangan kepada mereka yang benar-benar ditimpa kemalangan.<sup>61</sup> Tegasnya insurans hanyalah berhubung dengan kerugian kewangan.

Berdasarkan perbincangan di atas, risiko tulen hanya boleh menghasilkan kerugian, dan biasanya berpunca daripada sumber berikut:

1. Kerugian langsung harta benda;
2. Kerugian pendapatan tidak langsung disebabkan aktiviti perniagaan biasa diganggu oleh kerugian langsung;
3. Kerugian liabiliti; dan
4. Kerugian yang disebabkan oleh kematian atau hilang upaya.<sup>62</sup>

---

<sup>61</sup> Ibid., hal. 9.

<sup>62</sup> Ibid., hal. 45.

### **3.2 Syarat-syarat Risiko Boleh Insurans**

Bagi membolehkan risiko yang berlaku itu mendapat pampasan insurans dan pelaksanaannya menjamin keadilan dan kepentingannya diperakukan, ia hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut:

**Pertama:** Pengambil insurans haruslah tertakluk kepada kerugian sebenar sama ada berbentuk kerugian barang atau faedah yang telah dimiliki;

**Kedua:** Kerugian yang diinsuranskan haruslah cukup penting untuk mewarkan kewujudan kontrak insurans;

**Ketiga:** Kerugian haruslah dipastikan seadil-adilnya tentang sebab, masa, tempat dan jumlah. Jika tidak, penyelarasan kerugian akan menyulitkan;

**Keempat:** Kos insurans haruslah tidak terlalu tinggi. Untuk membolehkan insurans menjadi lebih berfaedah kepada sebahagian komuniti perniagaan, bayaran haruslah mencukupi;

**Kelima:** Bilangan pengambilan insurans yang besar adalah mustahak; dan

**Keenam:** Kerugian yang dihadapi seharusnya boleh dianggarkan dengan pengiraan matematik.<sup>63</sup>

### **3.3 Kaedah-kaedah Menghadapi Risiko**

Riegel menyebut empat kaedah yang boleh digunakan secara berasingan atau secara gabungan bagi menghadapi risiko. Kaedah tersebut adalah berikut:

#### **a. Pengelakan**

Melalui kaedah ini, pihak yang terlibat akan mengelakkan diri daripada harta, orang atau aktiviti yang berkaitan dengan risiko yang hendak dihindari itu. Misalnya seseorang itu tidak akan memiliki sebuah bangunan untuk mengelakkan risiko yang berkaitan dengan kerosakan bangunan tersebut. Kaedah ini tidak boleh diperlakukan dalam semua keadaan. Ada jenis-jenis risiko terutama yang berkaitan dengan kematian atau kezuruan kesihatan yang tidak dapat dielakkan.

Untuk mengelakkan diri daripada risiko yang berkaitan dengan pemilikan, penyelenggaraan atau penggunaan kereta, pihak perniagaan atau keluarga yang berkenaan mungkin terpaksa mengeneptikan banyak

---

<sup>63</sup> Ibid., hal. 18-19.

faedah sehingga menyebabkan kaedah pengelakan ini kadang kala tidak dianggap praktik.

**b. Pencegahan**

Pencegahan merupakan penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah risiko. Contohnya jalanraya yang lebih baik, lampu jalan yang lebih canggih dan sistem trafik terkini akan dapat mencegah kemalangan kereta. Dengan ini kerugian pada tahap individu akan dapat dihindarkan, dan masyarakat akan berada dalam situasi yang lebih baik.

**c. Pemindahan**

Seseorang yang telah menghadapi risiko akan mendorong orang lain juga untuk mengalami risiko yang sama dan ini dinamakan pemindahan risiko. Biasanya pihak penerima pemindahan akan menerima satu ganjaran kerana kesanggupannya menghadapi akibat yang mungkin akan berlaku. Contohnya tidak memiliki bangunan ialah suatu pengelakan, dan menjualkan bangunan itu atau melakukan pengubahsuaian sebahagian daripada risiko pemilikan tetapi tetap memiliki bangunan itu, adalah suatu pemindahan.

#### d. Andaian atau Pembendungan

Apabila kaedah lain didapati kurang lengkap atau sukar diperolehi atau apabila kerugian yang berpotensi adalah kecil atau risiko itu agak remeh, atau penerima risiko berkenaan mungkin akan membuat keputusan untuk menerima sahaja risiko tersebut. Kaedah ini dinamakan andaian atau lebih tepat lagi pembendungan. Contohnya tidak ada kaedah untuk mengelakkan diri daripada perubahan harga ubi kentang, akan tetapi oleh sebab kerugian yang akan dialami kecil, maka dirasakan tidak perlu bagi pihak berkenaan bersusah payah untuk mengawasi risiko ini.<sup>64</sup>

### G. Elemen-elemen Kontrak Insurans

Sesuatu kontrak insurans mesti mempunyai beberapa elemen supaya ia sah di segi undang-undang. Secara umumnya elemen-elemen yang membentuk kontrak<sup>65</sup>

<sup>64</sup> Ibid., hal. 6-11.

<sup>65</sup> Menurut Dorfman, kontrak adalah ikatan perjanjian yang sah, mencipta hak dan tanggungjawab untuk mereka menjadi pihak kepadanya. Jika satu pihak kepada kontrak gagal melaksanakan tanggungjawabnya, tanpa sebarang alasan yang sah, kontrak tersebut dikatakan telah tercabul. Sekiranya kontrak telah dicabuli, atau jika perselisihan tentang pentafsiran kontrak itu wujud di antara pihak tersebut, itu ini boleh diselesaikan di mahkamah, kerana mahkamah mempunyai kebolehan untuk menguatkuasakan pertimbangan mereka serta menyelesaikan perselisihan kontrak. Kontrak terbahagi dua: sah dan batal. Kontrak sah ialah kontrak yang akan dikuatkuasakan oleh mahkamah di mana mahkamah boleh mengarahkan pihak yang terlibat, atau mengarahkan pihak yang cedera diberi pampasan untuk kecederaan yang dialaminya. Ciri-ciri kontrak sah ialah: a. Tawaran dan penerimaan; b. Pertimbangan; c. Keupayaan; d. Tujuan Undang-undang. Manakala kontrak batal ialah kontrak yang sejak mulanya tidak ada satu atau lebih ciri-ciri untuk kontrak. Oleh itu mahkamah tidak akan menguatkuasakannya. Lihat Dorfman, Mark S., *op. cit.*, hal. 219-220. Menurut Prof. Afzalur Rahman, dalam hal insurans, kedua-dua pihak (pembeli polisi dan pihak penginsurans) mestilah bersetuju untuk menjamin pihak yang diinsuranskan supaya bersetuju dengan insurans itu dan seterusnya membayar premium. Dan akhirnya kontrak itu mestilah diakhiri dengan ijab kabul iaitu penawaran dan penerimaan kontrak oleh kedua-dua pihak. Lihat Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 85.

atau polisi<sup>66</sup> insurans masa kini ialah premium, jaminan terhadap kerugian, menimbang jaminan kerugian, kondisi dan waranti, prinsip kepentingan insurans dan prinsip ikhlasnya.

## 1. Premium

Premium ialah bayaran insurans atau harga yang penanggung insurans (*insurer*) menjamin untuk bertanggungjawab. Ia mempunyai satu *liability* (tanggungjawab) untuk sambungan kepada anggota lain dalam masyarakat yang mengalami kerugian. Sebagai seorang yang diinsuranskan, dia berkewajipan untuk membantu ahli-ahli dan berhak menerima bayaran gantirugi bila berlaku kerugian ke atasnya.<sup>67</sup>

Menurut Colinvaux pula, premium lazimnya berbentuk bayaran sewa secara wang yang diertikan sebagai satu harga yang dibayar cukup untuk risiko, tetapi kecukupan itu semata-mata atas perhitungan penanggung insurans, iaitu biasanya dikira dengan anggaran berdasarkan purata risiko daripada pelbagai

<sup>66</sup> Polisi ialah dokumen rasmi yang mengandungi kontrak insurans. Lihat Colinvaux, Raoul P., *The Law of Insurance*, Sweet & Maxwell, London, 1970, hal 34. Menurul Ivamy, E.R. Hardy, hak dan tanggungjawab kedua pihak ditentukan oleh syarat-syarat polisi yang dibuat oleh pihak penginsurans. Masa bermulanya insurans dan tempoh masa polisi itu berkuatkuasa hendaklah ditetapkan, dan sesuatu polisi itu boleh berakhir dengan persetujuan bersama kedua-dua pihak. Lihat Ivamy, E.R. Hardy, *General Principles of Insurance Law*, ed. enam, Butterworths, London, 1993, hal. 191-192.

<sup>67</sup> Picard, M. P., *Elements Of Insurance Law*, Butterworths, London, hal. 62.

pengalaman risiko yang sama. Penetapan premium juga mengambil kira belanja urusan pejabat, bayaran-bayaran lain dan keuntungan.<sup>68</sup>

Kontrak insurans menjadi efektif apabila premium telah dibayar oleh pihak yang diinsuranskan dan diterima oleh pihak penginsurans. Polisi insurans berkuatkuasa sepanjang tempoh yang ditentukan selagi tidak berlakunya luput tempoh.<sup>69</sup>

Antara faktor yang menentukan amaun premium ialah:

- a. Kos sebenar kerugian;
- b. Perbelanjaan mengendalikan dan menyelenggara insurans;
- c. Margin kerugian yang tidak dijangka atau faktor risiko untuk insurans; dan
- d. Pendapatan pelaburan.<sup>70</sup>

<sup>68</sup> Lihat Colinvaux, Raoul P., *The Law of Insurance*, op. cit., hal. 114.

<sup>69</sup> Ivamy, E.R. Hardy, op. cit., hal. 168. Menurut Cheshire, setelah premium dibayar dan risiko diterima, premium itu tidak boleh dibayar kembali di bawah peraturan polisi yang sah. "Apabila premium telah dibayar dan risiko diterima, tiada peruntukan atau agihan berkadar atau pulangan premium dibuat walaupun perkara asas risiko itu telah terhapus sebelum berakhirnya tempoh polisi itu berkuatkuasa." Lihat Cheshire, G.C., *Cheshire & Fifoot's Cases On The Law Of Contract*, ed. tujuh, Butterworths, London, hal. 497.

<sup>70</sup> Dorfman, Mark S., op. cit., hal. 14. Dalam menentukan jumlah premium ini Dorfman menerangkan secara terperinci dengan katanya, "Dari segi amalan, andaian mengenai perbelanjaan dan pengalaman kerugian yang berubah-ubah yang dibuat sebelum ini adalah tidak realistik. Ada kemungkinan yang gemblang insurans akan mengambil pekerja untuk perniagaan dan mendadik hal ehwal gemblangan. Kos pekerja mungkin bertambah, katakan 30 peratus kepada kos insurans, menjadikan premium \$1.30 untuk setiap \$100 bangsal yang dilindungi. Tambahan pula, sementara gemblangan menjangka untuk bersedia dengan kerugian yang lebih daripada yang dijangkakan, dengan mengandaikan bahawa rizab untuk keperluan tidak dijangka perlu diwujudkan. Rizab ini mungkin menambah 10 peratus kepada kos, menjadikan premium \$1.40 untuk setiap \$100 nilai bangsal. Sebaliknya, jika premium dibayar pada 1 hari bulan Januari dan jika, pada puratanya, tuntutan dibayar pada 1 hari bulan Julai, maka setengah tahun faedah diperoleh. Pada kadar 6 peratus setahun, 3 peratus akan diperoleh dalam setengah tahun dan ini akan mengurangkan premium. Perlu diketahui bahawa syarikat insurans memberi pengiktirafan yang jelas terhadap faedah yang mereka jangka akan peroleh apabila menghitung premium. Syarikat insurans harta,

Jumlah premium juga ditentukan oleh jumlah tuntutan, komisyen dan keuntungan. Saiz keuntungan daripada pelaburan-pelaburan wang terkumpul oleh syarikat-syarikat insurans juga turut menentukan premium yang perlu dibayar.<sup>71</sup>

Afzalur Rahman tidak bersetuju dengan cara penetapan premium seperti yang dinyatakan di atas. Menurut beliau, syarikat-syarikat insurans menggunakan cara mereka sendiri, untuk menentukan jumlah premium bagi setiap kategori insurans, dan berkemungkinan besar penentuan ini mengandungi muslihat untuk mendapat keuntungan yang berlebihan dan seterusnya mewujudkan penindasan.<sup>72</sup>

## 2. Jaminan Terhadap Kerugian

Menurut Dinsdale, kontrak insurans pada asasnya adalah jaminan terhadap kerugian, kerana ia menjamin bayaran pampasan bagi sebarang kerugian kepada pihak yang diinsuranskan, tetapi pihak yang diinsurangkan tidak dibenarkan mendapat keuntungan daripada kontrak itu. Dia mungkin akan mendapat gantirugi kepada kerugiannya tetapi tidak lebih dari itu, kecualilah satu persetujuan telah

---

yang juga memperoleh faedah daripada premium, secara tidak langsung membenarkan pendapatan daripada kadar faedah apabila menentukan harga insurans.” Ibid., hal. 13-14.

<sup>71</sup> Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 91. Menurut beliau lagi, dengan menggunakan asas kiraan purata, penginsurans menetapkan harga premium berdasarkan pengalamannya bagi mendapat balik jumlah wang yang mencukupi untuk tanggungan risiko termasuklah bayaran lain dan juga untungnya. Apabila bayaran premium telah dibuat dan risiko itu diterima oleh pihak penginsurans, premium itu tidak boleh dipulangkan. Ibid., hal. 91.

<sup>72</sup> Ibid., hal. 92.

dibuat oleh kedua-dua pihak. Pihak penginsurans tidak perlu membayar wang tebus rugi lebih dari sepatutnya jika pihak yang diinsuranskan tidak diinsuranskan sepenuhnya.<sup>73</sup>

Ada beberapa kontrak insurans, seperti insurans nyawa dan insurans kemalangan persendirian, yang tidak menyerupai kontrak jaminan kerana pihak penginsurans mesti membayar wang ganti rugi apabila berlaku kerugian tanpa merujuk kepada nilai kerugian itu secara langsung. Contoh pelaksanaan prinsip ini ialah polisi kenderaan. Pihak yang diinsuranskan menganggarkan nilai keretanya pada masa diinsuranskan katakanlah berharga 1000 Pound dan membuat bayaran yang sesuai dengannya. Jika keretanya musnah dijilat api semasa dalam tempoh insurans, dia tidak akan mendapat gantirugi sebanyak 1000 Pound. Dia mungkin memberikan nilai yang lebih bagi keretanya pada masa kemalangan, tetapi nilai pasaran bagi kereta itu telah menurun dalam tempoh kereta itu diinsuranskan. Jumlah yang akan dibayar oleh pihak penginsurans ialah bayaran nilai kereta itu pada harga pasaran dan pada masa ia musnah. Jika pihak penginsurans dapat membuktikan bahawa kereta yang sama dari segi umur, jenis, buatan dan keadaannya boleh dibeli pada harga 750 Pound, mereka tidak tertakluk

<sup>73</sup> Dinsdale, W.A., *Principles and Practises of Accident Insurance*, Pitman Publication, London, 1969, hal. 34. Beliau juga memetik kata-kata L.T. Brett yang mengatakan, asas bagi setiap peraturan dalam undang-undang insurans ialah seperti yang terdapat dalam polisi kontrak-kontrak insurans perkapalan dan kebakaran (dan sama dalam polisi-polisi kemalangan), iaitu kontrak tebus rugi. Kontrak ini bermakna pihak yang dijamin akan dijamin sepenuhnya apabila berlaku sebarang kerugian yang telah dinyatakan dalam polisinya. Jaminan ini, bagaimanapun, tidak boleh melebihi daripada yang telah ditentukan dalam kontrak. Inilah prinsip asas insurans, dan sebarang cadangan yang dikemukakan, yang berbeza daripadanya, seperti pihak yang dijamin gagal mendapat bayaran sepatutnya, atau dibayar pada kadar yang berlebihan, oleh itu cadangan tersebut adalah salah. Ibid., hal. 34.

untuk membayar lebih daripada 750 Pound. Dengan bayaran 750 Pound, pihak yang diinsuranskan tadi telah dijamin sepenuhnya.<sup>74</sup>

Berkenaan dengan kerugian, Wagner telah merumuskan teori kerugian sebagai berikut:

“Perkataan insuran mengikut fahaman ekonomi iaitu memaparkan suatu bentuk susunan ekonomi bagi memindahkan atau mengurangkan kemungkinan akibat daripada peristiwa yang tidak baik yang akan terjadi; bergantung kepada sejauh mana keadaan kekhawatiran seseorang itu. Kemungkinan peristiwa itu mestilah tidak dengan sengaja menimpa seseorang, oleh itu tiap-tiap satu kejadian yang berlaku adalah peristiwa yang tidak diduga. Insurans mengendalikan keadaan ini untuk mentaksir kadar akibat yang akan menimpa berpandukan satu senarai kejadian yang diduga dengan satu bentuk bahaya yang tidak betul-betul terjadi.”<sup>75</sup>

Jelasnya teori kerugian banyak menekankan agihan kerugian sebagai dasar utama bagi insurans, iaitu pampasan kepada kerugian sebenar yang diperuntukkan oleh insurans.

---

<sup>74</sup> Ibid., hal. 46.

<sup>75</sup> Dipetik daripada Barou, N., *Co-operative Insurance*, Mac Millan, London, 1936, hal. 19.

Willet pula berpendapat bahawa pentingnya insurans dalam kehidupan adalah terletak pada kemampuannya untuk memindahkan risiko ketidakpastian dan tidak jelas itu ke dalam kos tetap dengan cara penggabungan.<sup>76</sup>

Dorfman pula mengatakan kerugian ialah pengurangan nilai ekonomi yang tidak dikehendaki dan tidak dirancang. Beliau membahagikan kerugian kepada kerugian langsung dan kerugian tidak langsung. Kerugian langsung adalah akibat yang pertama atau serta merta dari *peril* yang diinsuranskan. Kerugian tidak langsung yang juga dinamakan kerugian turutan adalah akibat sekondari dari *peril* yang diinsuranskan. Umpamanya kebakaran yang memusnahkan sebuah rumah, kerugian rumah adalah kerugian langsung. Perbelanjaan menetap di hotel sementara rumah tersebut diperbaiki pula adalah contoh kerugian tidak langsung.<sup>77</sup>

Tidak semua kerugian boleh diinsuranskan. Ia mestilah mempunyai beberapa kriteria penting supaya boleh menjadi subjek wajar untuk insurans. Kriteria pendedahan kerugian boleh insurans ialah:

- a. Kumpulan besar serupa yang terdedah kepada *peril* yang sama. Bilangan individu yang agak besar diperlukan dalam gemblangan insurans untuk mendapatkan ketepatan ramalan yang merupakan kaedah statistik hukum bilangan besar. Supaya berjaya, sistem insurans mesti mengurangkan risiko dengan meningkatkan

---

<sup>76</sup> Willet, A.H., *The Economic Theory of Risk and Insurance*, Philadelphia, 1951, hal. 5.

<sup>77</sup> Dorfman, *op. cit.*, hal. 23.

kebolehramalan kerugian. Kedua-dua purata kekerapan dan purata ketenatan kerugian perlu diramal dengan tepat;

- b. Kerugian mestilah tidak disengajakan dan tidak dapat dikawal;
- c. Kerugian mestilah pasti, boleh diukur dan cukup tenat untuk menyebabkan kesengsaraan ekonomi. Contohnya seorang individu boleh diinsuranskan disebabkan kebimbangannya akan kemusnahaan rumah itu akibat kebakaran, tetapi tidak boleh diinsuranskan kerana rumah tersebut berhantu.<sup>78</sup>

### **3. Menimbang Jaminan Terhadap Kerugian**

Bayaran pampasan bagi kerosakan atau kerugian subjek yang diinsuranskan boleh dituntut di bawah polisi jaminan terhadap kerugian. Dalam kes menimbang jaminan terhadap kerugian, nilainya telah dipersetujui tetapi tidak ada kes jaminan kerugian yang dibayar lebih daripada jumlah yang diinsuranskan. Menimbang jaminan kerugian kepada polisi yang tidak dinilai adalah ditentukan bukan dengan kos harta yang diinsuranskan tetapi dengan nilai pada tarikh dan pada tempat berlaku kerugian.<sup>79</sup>

---

<sup>78</sup> Ibid., hal. 23-24.

<sup>79</sup> Colinvaux, Raoul P., *op. cit.*, hal 23.

Menurut Dinsdale, tuntutan gantirugi bagi sesuatu risiko yang telah diinsuranskan oleh sesuatu polisi tidak mempunyai had, kecualilah jika polisi itu telah dinilai atau dipersetujui nilainya terlebih dahulu. Dalam hal ini, jumlah yang diinsuranskan bersamaan dengan jumlah bayaran ganti rugi yang telah ditetapkan dan tidak boleh melebihi jumlah tersebut. Di bawah polisi ini jumlah yang diinsuranskan bersamaan dengan nilai harta itu sepanjang tempoh insurans dan dibayar tanpa mengambil kira nilai kerugian yang sebenarnya bagi setiap perkara.

Polisi-polisi ternilai berbeza daripada prinsip jaminan tebus rugi walaupun sah dari segi undang-undang. Keadaan ini berlaku kerana kedua-dua pihak bersetuju dengan nilai jaminan itu pada awal lagi tanpa perlu menunggu berlakunya sesuatu kerugian untuk dinilai dan dituntut bayaran tebus rugi kewangan itu.<sup>80</sup>

#### **4. Kondisi Dan Waranti**

Kebanyakan polisi mengandungi sebilangan fasal tertentu sebagai syarat, iaitu satu perihal susunan kata, sama ada syarat-syarat itu mencapai kondisi peristiwa yang lalu di mana hak yang diinsuranskan dapat dipenuhi.<sup>81</sup>

---

<sup>80</sup> Dinsdale, W.A., *op. cit.*, hal. 46.

<sup>81</sup> Chitty, Joseph, *op. cit.*, hal. 375.

Seperti kontrak lain juga, pelanggaran syarat dalam satu polisi boleh dijadikan alasan oleh pihak yang tersinggung untuk menarik diri daripada berbuat apa yang baik terhadap sesuatu persetujuan itu atau mempunyai satu hak bertindak terhadap gantirugi; dia mungkin mengambil keputusan sama ada menganggap kontrak itu tidak kena-mengena dengan dirinya atau tidak mengesahkannya. Sekiranya penanggung insurans mengesahkan polisi itu walaupun pelanggaran dilakukan oleh pihak yang diinsuranskan, ianya akan dikira sebagai mengenepikan pelanggaran syarat itu. Oleh itu dia akan bertanggungjawab membayar tuntutan apabila berlaku peristiwa kerugian.<sup>82</sup>

Waranti dalam undang-undang insurans pula digunakan dalam maksud yang khusus selaras dengan kondisi dalam mana-mana kontrak. Sutton telah menyatakan perbezaan di antara kondisi dan waranti:

“Suatu kondisi ialah satu bentuk kontrak yang menepati maksud kontrak itu, atau dengan kata-kata lain, iaitu mustahak bagi tiap-tiap tabiat, sekiranya suasana sedang atau akan, bertentangan dengan kondisi itu, maka semua tanggungjawab wasiat di bawah kontrak itu mungkin dianggap sebagai dilepaskan oleh pihak yang tidak bersalah. Suatu waranti ialah satu bentuk kontrak yang bersampingan kepada maksud dasar kontrak, sekiranya suasana itu sedang atau akan bertentangan dengannya.”<sup>83</sup>

<sup>82</sup> Colinvaux, Raoul P., *op. cit.*, hal. 98.

<sup>83</sup> Sutton, Ralph, *Sutton and Shannon on Contracts*, ed. tujuh, Butterworths, London, 1970, hal. 273.

Istilah waranti lazimnya digunakan untuk menandakan suatu janji yang bersampingan kepada dasar kontrak. Pengabaian atau pelanggaran terhadap kontrak insurans akan memberi hak kepada pihak yang tersinggung untuk menuntut bayaran gantirugi. Sebaliknya jika pihak yang melanggar kontrak itu dibiarkan sahaja, ia (pihak yang tersinggung itu) mestilah melaksanakan peranannya berdasarkan kehendak kontrak itu.<sup>84</sup>

## 5. Prinsip Kepentingan Insurans

Kepentingan insurans ialah kepentingan undang-undang yang menghendaki seseorang itu memilikinya agar membolehkannya menghasilkan satu insurans yang sah.<sup>85</sup>

## 6. Prinsip Ikhlas

Semua kontrak insurans mempunyai prinsip ikhlas iaitu pihak yang diinsuranskan perlu memaklumkan fakta matan (teks atau bahan). Dengan memaklumkan fakta, benda atau lainnya, pihak penanggung insurans tidak akan

<sup>84</sup> Picard, M.P., *Elements of Insurance Law*, op. cit, hal. 7.

<sup>85</sup> Ibid., hal. 7.

mendapat gambaran yang salah tentang sesuatu subjek yang hendak diinsuranskan.<sup>86</sup>

Dalam hal ini Sutton menyatakan dalam semua insurans, pihak yang diinsuranskan tertakluk kepada untuk memaklumkan sepenuhnya semua perkara penting yang diketahuinya. Kontrak boleh dibatalkan oleh penanggung insurans sekiranya ada apa-apa penyembunyian perkara penting oleh pihak yang diinsuranskan. Perkara penting yang hendak diinsuranskan mestilah dinyatakan iaitu semua butir yang akan mempengaruhi penanggung insurans sama ada untuk menetapkan premium atau mengambil keputusan untuk menanggung risiko.<sup>87</sup>

Kesimpulannya, berdasarkan perbahasan di atas, pepatah Melayu ada mengatakan "malang tidak berbau" mempunyai kaitan rapat dengan satu lagi pepatah, "sediakan payung sebelum hujan." Dalam menjalani kehidupan sehari-hari, kita terdedah kepada kemungkinan ditimpa pelbagai musibah, malapetaka dan bencana. Bencana yang menimpa ini akan membawa penderitaan dan kesusahan kepada mangsa dan ahli keluarga, lebih-lebih lagi jika orang yang menjadi mangsa itu merupakan tonggak keluarga dan tempat pergantungan. Walaupun bencana dan musibah itu termasuk dalam qada dan qadar Allah, orang Islam seharusnya sentiasa bersiap sedia bagi menghadapinya dengan keimanan yang teguh dan kesabaran yang tinggi. Apabila bencana menimpa seseorang muslim, ia hendaklah mencari jalan bagi merengangkan beban bencana itu.

<sup>86</sup> Sutton, Ralph, *op. cit.*, hal. 141.

<sup>87</sup> Ibid., hal. 179.

Sepatutnya dia hendaklah mempunyai simpanan wang yang cukup dan mencarum pula dalam syarikat yang bersedia memikul sama beban bencana itu dengan mengagih-agihkan kos kerugian di kalangan pencarum-pencarumnya. Seseorang itu mestilah peka dan memastikan jiwa raganya dan jiwa orang di bawah tanggungannya selamat dan harta bendanya terjamin dan terpelihara.